

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	30/1/2012

# Guna undi halang keborosan isteri PM

Oleh SALMIYAH HARUN

**KUALA LUMPUR:** Belum pun reda isu penyelewengan dalam Projek Fidlot Kebangsaan (NFC) yang membabitkan "dana RM250 juta, negara dikejutkan pula dengan skandal perbelanjaan bermewah-mewah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Terkini, isu perbelanjaan mewah Rosmah Mansor sebanyak A\$100,000 (RM325,000) semasa lawatannya ke Australia sebagaimana didedahkan oleh media negara itu *Sydney Morning Herald*.

Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu menegaskan sekiranya sikap boros ini berlaku terhadap isteri-isteri Perdana Menteri misalnya di Tunisia, kerajaan boleh ditumbangkan oleh rakyat, begitu juga di Filipina.

Namun, katanya, mungkin sikap rakyat negara ini terutama orang Melayu yang kurang sensitif dengan isu-isu seperti ini menyebabkan pemimpin tidak

ambil kisah soal berbelanja bermewah-mewahan.

"Tabiat orang Melayu ini kita kira... dia akan suka apa yang dia dapat tetapi hak dia yang hilang dia tidak tahu.

"Soalnya, sensitiviti rakyat terhadap perbelanjaan di luar daripada kemampuan pemimpin, malangnya orang Melayu kurang sensitif," tegas beliau ketika dihubungi *Harakah*.

Malah katanya, walaupun media asing memainkan peranan mendedahkan sikap Rosmafr Mansor itu, bagaimanapun kesannya tidak menjejaskan Rosmah kerana rakyat tidak berasa apa-apa apatah lagi untuk bertindak sesuatu.

Oleh itu katanya, sudah tiba masanya rakyat harus menentang sikap pemimpin yang boros dan merugikan duit mereka melalui pilihan raya nanti.

"Jadi dalam PRU13 nanti, rakyat kena bertindak. Guna undi kita untuk sekat keborosan isteri PM!" katanya.

Rosmah Mansor yang sering mendakwa beliau men-

jadi mangsa fitnah, Mohamad Sabu mensyorkan Rosmah mengambil tindakan undang-undang terhadap apa yang dia dilaporkan media berkenaan kerana telah mengheret namanya yang akhirnya mendapat kecaman pelbagai pihak.

Kolumnis akhbar *The Sydney Morning Herald*, Andrew Hornery mendakwa pereka fesyen Carl Kapp yang memberi butiran mengenai Rosmah Mansor yang dikatakan telah membeli-belah sebanyak A\$100,000 (RM325,000) semasa bercuti di sana.

Selain perbelanjaan A\$100,000 (RM325,000) di sebuah butik, Hornery juga mendakwa Rosmah dan suami menginap di emper (*penthouse*) bernilai A\$20,000 (RM65,100) semalam, meminta "parkir valet untuk limousinnya" dan menerbitkan pereka fesyen ke Malaysia untuk mengenakan pakaian yang ditempanya.

Bagaimanapun, Rosmah menyangkal dakwaan Hornery yang dibuat dalam

seksyen *Private Sydney* harian itu dengan menyifatkannya sebagai "karut, didedahkan secara liar dan tidak benar."


Awal Januari 2011, isu perbelanjaan mewahnya semasa menginap di sebuah hotel di Dubai seperti yang didedahkan Timbalan Presiden KeADILan, Azmin Ali turut menjadi bualan umum.

Azmin mendakwa, kos penginapan Najib dan Rosmah di hotel mewah Atlantis di Dubai lebih RM100,000 hanya untuk semalam.

Rosmah yang sebelum ini dikatakan membeli cincin berlian berharga RM24 juta, bagaimanapun tidak ada sebarang tindakan daripada beliau terhadap orang yang memfitnahnya itu.

Pada 31 Ogos lalu, Najib dilaporkan sebuah akhbar telah bercuti ke Perth (Australia) dengan menaiki pesawat rasmi kerajaan Malaysia nombor pendaftaran 9M-NAA.

Menurut laporan tersebut, pesawat tersebut yang



**Mohamad Sabu**

berlogokan 1Malaysia dimiliki oleh Jet Premier One (M) Sdn Bhd, anak Syarikat Penerbangan Malaysia Bhd (MAS) iaitu sebuah entiti milik kerajaan Malaysia melalui pegangan saham oleh Khazanah Nasional Bhd.

Jumlah kos penyewaan sebuah pesawat Airbus A319 yang digunakan oleh Najib sewaktu percutiannya di Perth, Australia pada Hari Kemerdekaan, tahun ini berjumlah RM9.1 juta.

Ketua Wanita KeADILan, Zuraida Kamaruddin pula mendedahkan dakwaan kononnya Rosmah memperolehi wang bagi membeli sekurang-kurangnya 11 beg tangan mewah jenama Birkin.

Zuraida berkata, sekiranya anggaran kasar, Rosmah membelanjakan minimum RM638,000 hingga maksimum RM5,192,000 untuk membeli beg tangan berkenaan.